



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

MPPWP MEMPERKUKUH JARINGAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN

1,284 orang dilantik sebagai ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) mewakili Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan Sesi 2025-2028. MPPWP ini merupakan manifestasi komitmen Kerajaan Perpaduan dalam memperkasa suara rakyat melalui pendekatan inklusif berteraskan gagasan Malaysia MADANI. Penubuhan MPPWP sejak 2011 telah dapat menghubungkan komuniti dengan Kerajaan secara langsung serta memperkukuh jaringan masyarakat setempat.

Ahli MPPWP yang dilantik memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan menilai semula program pembangunan komuniti merangkumi aspek keselamatan, perpaduan, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan kelestarian alam. Peranan ini amat signifikan dalam menjayakan pelbagai inisiatif MADANI seperti Program PUJI, SejaTi MADANI, dan CHASE City dalam kemampunan pembangunan Wilayah Persekutuan.

Pelantikan MPPWP kali ini bukan sekadar peralihan kepimpinan, tetapi juga permulaan kepada penggunaan sistem pengurusan digital sepenuhnya melalui Sistem Pengurusan MPPWP, selaras dengan prinsip kecekapan tadbir urus dalam kerangka Malaysia MADANI. Malah bagi memperkukuh pelaksanaan di peringkat akar umbi, kerajaan telah meluluskan elaun tetap bulanan kepada Timbalan Pengerusi Zon (RM1,000) dan Setiausaha Zon (RM750), serta menaikkan Geran Aktiviti kepada RM60,000 (Zon) dan RM25,000 (Sub Zon). Ini bagi membolehkan lebih banyak pelaksanaan program dalam kalangan komuniti dapat dilaksanakan merangkumi semua lapisan masyarakat.

Semua ahli MPPWP perlu menekankan kepentingan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan peruntukan. Semua perbelanjaan perlu berpaksikan prinsip "*value for money*", dengan pelaporan dilaksanakan secara sistematik dan telus melalui platform digital untuk tujuan pemantauan dan audit. Ini kerana MPPWP bukan sekadar platform penyertaan komuniti, tetapi tulang belakang dalam membina Wilayah Persekutuan yang progresif, inklusif dan sejahtera. Dengan sokongan berterusan dari kerajaan dan kerjasama erat bersama masyarakat, diharapkan MPPWP dapat menjadi penggerak utama dalam merealisasikan aspirasi MADANI di peringkat komuniti.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
2 Oktober 2025

